

APAKAH YANG AKAN TERJADI JIKA TIDAK MENJELASKAN CUKAI DALAM TEMPOH TERSEBUT?

Mengikut Akta 171, anda akan dikenakan tindakan - tindakan seperti berikut :

- Notis (Borang E) akan dikeluarkan kepada anda. Anda dikehendaki menjelaskan dalam masa 15 hari daripada tarikh notis
- Jika masih gagal, waran tahanan akan dikeluarkan keatas anda. Waran ini membolehkan Majlis merampas barang-barang yang ada di dalam bangunan atau menutup bangunan daripada menjalankan operasinya atau meyelong bangunan tanah melalui Pendaftar Mahkamah Tinggi mengikut seksyen 151

BAGAIMANA UNTUK MENGELAKKAN DIKENAKAN DENDA ATAU TINDAKAN MAHKAMAH?

Bayar segera sebelum 28hb. Februari dan sebelum 31hb. Ogos pada tiap - tiap tahun.



SIAPAKAH PEMBAYAR CUKAI PINTU?

Jika anda mempunyai rumah, rumah kedai, hotel, stesen servis, tanah kosong atau pegangan berkadar yang lain yang terletak dalam kawasan Majlis Daerah Gua Musang, anda akan dikenakan cukai pintu. Sebaliknya, jika anda menduduki bangunan atas tanah tanpa dokumen hakmilik berasingan atau tanah yang dirizabkan untuk sesuatu maksud awam, anda juga perlu membayar cukai pintu.

KENAPA PERLU MEMBAYAR CUKAI PINTU?

Kutipan dari cukai pintu adalah perlu untuk menampung perbelanjaan Majlis dalam menyediakan perkhidmatan seperti penyelenggaraan, taman rekreasi, pemotongan rumput, lampu jalan dan tempat kemudahan awam untuk kesejahteraan masyarakat.



BILA PERLU DIBAYAR?

Cukai Pintu perlu dibayar 2 kali setahun iaitu:

- 1/2 tahun pertama
1hb. Januari hingga 28hb. Februari
- 1/2 tahun kedua
1hb. Julai hingga 31hb. Ogos

APAKAH CUKAI PINTU?

Cukai pintu adalah cukai yang dikenakan ke atas pemilik dan penghuni pegangan berkadar yang terletak di dalam bidang kuasa Majlis Daerah Gua Musang



APA YANG PERLU DILAKUKAN JIKA BIL - BIL TIDAK DITERIMA?

Datang sendiri ke pejabat Majlis Daerah Gua Musang, Unit Penilaian dan Harta untuk mendapatkan bil - bil tuan - tuan/puan - puan. Jangan lupa bawa maklumat seperti berikut :-

- No. Lot/No.Rumah dan kedudukan harta
- No. Akaun (Jika ada) atau
- Bawa bil lama untuk rujukan



Majlis Daerah Gua Musang, 18300 Gua Musang, Kelantan
Tel :09-9120235 | Faks : 09-9121044 | www.mdgm.gov.my

APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA SEBAGAI PEMBAYAR CUKAI?

Adalah penting bagi pembayar cukai membayar cukai taksiran sebelum tarikh akhir pembayaran. Pembayar cukai hendaklah :-

- Membayar cukai pintu sebelum tarikh akhir pembayaran
- Memberitahu Majlis jika terdapat pertukaran alamat pos
- Membekalkan alamat peti surat pos, jika ada
- Memaklumkan kepada pihak Majlis jika terdapat pertukaran hakmilik serta menyampaikan salinan memorandum pindah milik atau dokumen hakmilik terakhir atau perjanjian jualbeli dengan melampirkan salinan dokumen diatas
- Memeriksa di pejabat Majlis dan menjelaskan sebarang cukai pintu kepada Majlis sebelum pertukaran hakmilik berlaku
- Memberitahu Majlis melalui surat - menyurat jika bangunan diubahsuai atau dirobohkan
- Memberitahu Majlis melalui surat - menyurat jika ingin memohon pengurangan cukai pintu atas sebab bangunan anda tidak diduduki
- Memberi kerjasama kepada kakitangan Majlis apabila pegangan diperiksa untuk tujuan cukai taksiran
- Memberitahu Majlis secara surat - menyurat jika telah mendirikan bangunan tanpa pelan bangunan (Bangunan haram)
- Mengambil bil cukai di pejabat Majlis jika anda tidak menerima bil.(Tiada pengecualian cukai diberi atas alasan tidak menerima bil cukai pintu)

